



PILIH... Rozita (dua dari kiri) melayan beberapa pelanggan di gerai jualannya.

Karnival kesedaran pengguna

BANGI: Bagi memantapkan lagi kesedaran pengguna terhadap kualiti barang buatan tempatan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Keppenggunaan (KPDKK) dan Pertubuhan Belia Glocal Wilayah Persekutuan dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan beberapa agensi lain mengadakan Karnival Kempen Kuasa Pengguna 2010.

Karnival yang berlangsung di Panggung Seni, UKM itu adalah siri jelajah kedua selepas Universiti Teknologi Mara (UiTM), Shah Alam minggu lalu sebelum ke Uni-

versiti Malaya (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Setiausaha Pertubuhan Belia Glocal Wilayah Persekutuan, Mohd Azren Abdul Aziz berkata, objektif karnival berkenaan adalah mendidik orang ramai membeli barang-an tempatan.

"Karnival ini sebagai satu alternatif supaya rakyat Malaysia memberi sokongan terhadap barangan tempatan yang kualitinya setanding barangan luar negara."

"Selain jualan, orang ramai berpeluang menyertai pelbagai acara menarik seperti

pertandingan pidato, wayang pacak dan sukan rakyat," katanya, semalam.

Peniaga, Rozita Abdul Ghani, 28, berkata sepanjang menyertai kempen berkenaan sambutan diterima menggalakkan. Ia juga langkah awal bagi mengukuhkan perniagaannya yang baru dibuka selama dua bulan.

"Sebagai peniaga baru, ini cara terbaik menarik perhatian orang ramai. Lagipun sewa dikenakan berpatutan dan tidak membebankan untuk peniaga macam saya," katanya yang menjual pelbagai baju kurung dan tudung.